

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK		MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MaxSaver. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.		MaxSaver
		XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

- MaxSaver ialah produk hibrid premium berkala (iaitu perlindungan dan pelaburan).
- Tempoh polisi yang disediakan adalah sama ada 15, 20, 25 atau 30 tahun.
- Tempoh premium adalah sama seperti tempoh polisi. Pelan ini terdiri daripada bahagian tanpa penyertaan(MaxSaver Basic) dan unsur pelaburan (MaxSaver Booster).
- Untuk tempoh 6 tahun yang pertama, premium yang dikutip diperuntukkan sepenuhnya (100%) ke dalam dana tanpa penyertaan. Mulai tahun ke-7 sehingga akhir tempoh polisi, 20% diperuntukkan ke dalam dana tanpa penyertaan dan 80% ke dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda.
- Premium yang diperuntukkan bagi bahagian pelaburan (iaitu MaxSaver Booster) akan digunakan untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda dengan kadar peruntukan 100%. Ini seterusnya akan menjana Nilai Akaun bagi keperluan simpanan anda.
- Bahagian MaxSaver Booster ialah premium pilihan. Polisi ini tidak akan luput walaupun anda tidak membayar bahagian ini, atau hanya membayar sebahagian jumlahnya, selagi premium MaxSaver Basic dibayar. Bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa Nilai Akaun mungkin berbeza daripada pulangan pelaburan diunjurkan jika anda membuat keputusan untuk tidak membayar bahagian penuh MaxSaver Booster.
- Produk ini menyediakan:
 - Perlindungan Kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (KUMK) (*sebelum umur 70 tahun pada hari jadi seterusnya*)
 - Pembayaran Tunai Terjamin Tahunan (GCP) pada akhir setiap tahun polisi.
 - Nilai Akaun
- Nilai Akaun bergantung kepada unit asas yang seterusnya bergantung kepada prestasi dana yang dipilih. Sila rujuk kepada lembaran fakta dana untuk maklumat lanjut tentang dana yang disediakan dan objektifnya.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Diinsuranskan Asas = RM500,000.00

Tempoh Polisi = 15 tahun

Tempoh Bayaran Premium = 15 tahun

Dana Pilihan:

Jenis Dana	Dana MCIS Life AsiaPac	Dana MCIS Life Balanced	Dana MCIS Life Dividend	Dana MCIS Life Equity	Dana MCIS Life Global Yakin	Dana MCIS Life Income	Dana MCIS Life Jati	Dana MCIS Life Titan	Jumlah
Nisbah Dana Pilihan (%)	100	0	0	0	0	0	0	0	100

Polisi ini melindungi:

Butiran	Manfaat Dibayar																
Manfaat Kematian/Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (KUMK) sebelum umur 70 tahun pada hari jadi seterusnya pada ulang tahun polisi	Jumlah Diinsuranskan atau pemulangan jumlah premium yang dibayar untuk MaxSaver Basic, yang mana lebih tinggi, ditambah Nilai Akaun. Polisi akan ditamatkan selepas pembayaran penuh Manfaat Kematian atau KUMK.																
Pembayaran Tunai Terjamin (GCP)	Selagi polisi ini berkuat kuasa, GCP akan dibayar pada akhir setiap tahun polisi. Jumlah meningkat secara beransur-ansur seperti yang ditunjukkan di bawah:																
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>GCP (% Jumlah Diinsuranskan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1-5</td> <td>1.0%</td> </tr> <tr> <td>6-10</td> <td>1.5%</td> </tr> <tr> <td>11-15</td> <td>2.0%</td> </tr> <tr> <td>16-19</td> <td>3.0%</td> </tr> <tr> <td>20-24</td> <td>4.0%</td> </tr> <tr> <td>25-29</td> <td>5.0%</td> </tr> <tr> <td>30</td> <td>6.0%</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	GCP (% Jumlah Diinsuranskan)	1-5	1.0%	6-10	1.5%	11-15	2.0%	16-19	3.0%	20-24	4.0%	25-29	5.0%	30	6.0%
Tahun Polisi	GCP (% Jumlah Diinsuranskan)																
1-5	1.0%																
6-10	1.5%																
11-15	2.0%																
16-19	3.0%																
20-24	4.0%																
25-29	5.0%																
30	6.0%																
	*Jika Tempoh Polisi ialah 15, 20 atau 25 tahun, maka GCP akan berakhir pada Tahun Polisi akhir yang berkenaan.																
Nilai Serahan	Nilai Akaun perlu dibayar selepas Serahan.																

Nota-nota:

- Untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, lién juvenil akan diguna pakai atas Manfaat Kematian atau KUMK
- Nilai Akaun = Bilangan Unit x Harga Bida pada tarikh penilaian seterusnya
- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat terperinci.

Peringatan: Sila baca keterangan jualan yang mengandungi manfaat produk dan objektif dana berkaitan pelaburan. Anda hendaklah memilih pelan atau kombinasi dana yang menepati matlamat kewangan dan profil risiko anda.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada tempoh polisi dan keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran terperinci.
- Anggaran premium MaxSaver Basic yang perlu anda bayar dari:
 - Tahun 1 hingga Tahun 6 ialah RM 19,865.00 (Tahunan)
 - Tahun 7 dan ke atas ialah RM 3,973.00 (Tahunan)
 - Anggaran premium MaxSaver Booster yang perlu anda bayar dari Tahun 7 dan ke atas ialah RM 15,892.00 (Tahunan)
 - Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM 19,865.00 (Tahunan)
 - Tempoh premium: 15 tahun
 - Kadar premium adalah untuk risiko standard. Tempoh dan kadar polisi bergantung kepada umur semasa penyertaan, jantina, tempoh polisi dll.
 - Kadar premium dijamin sepanjang tempoh polisi.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Dana	Dana MCIS Life Income	Dana MCIS Life AsiaPac	Dana MCIS Life Balanced	Dana MCIS Life Dividend	Dana MCIS Life Equity	Dana MCIS Life Global Yakin	Dana MCIS Life Jati	Dana MCIS Life Titan
FMC	0.5%	0.85%	1.25%	1.50%	1.40%	0.85%	1.35%	0.85%

Nota: FMC adalah tidak dijamin. Syarikat boleh mengubah FMC dari semasa ke semasa dengan memberikan notis tiga (3) bulan terlebih dahulu.

- Jumlah komisen yang perlu dibayar ialah 128.25% daripada tahun pertama Premium MaxSaver Basic dan 3.75% daripada Premium Tambah Nilai Pelaburan Tunggal (STUP) (jika ada).

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Jika anda mengurangkan Jumlah Diinsuranskan di pertengahan tahun polisi, GCP yang perlu dibayar kepada anda akan berdasarkan Jumlah Diinsuranskan pada akhir Tahun Polisi.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima polisi. Syarikat akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar.
- Tempoh tangguh ialah 30 hari untuk kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari untuk pembayaran premium separuh tahunan dan suku tahunan.
- Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini ialah jumlah yang mampu anda bayar.
- Anda akan menentukan dana pelaburan pilihan anda dan menanggung risiko pelaburan. Anda seharusnya mengambil kira risiko dan manfaat pelaburan dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan untuk membolehkan anda membuat keputusan maklum. Anda hendaklah memastikan bahawa anda memahami risiko kewangan dan potensi kerugian yang mungkin timbul daripada pelaburan dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan. Anda hendaklah memastikan dana pilihan anda menepati objektif pelaburan anda dan kesanggupan anda menanggung risiko. Sila rujuk kepada bahan pemasaran yang perlu dan berkaitan (contohnya risalah, lembaran fakta dana, ilustrasi jualan dan sebagainya) untuk maklumat lanjut.
- Nilai Akaun - nilai akaun pelan bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang dipilih.
- Jika anda mendapat bahawa dana yang anda pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai pilihan untuk menukar dana. Tiada caj dikenakan untuk menukar dana.
- **Prestasi dana pada masa lepas tidak boleh dijadikan panduan yang boleh dipercayai terhadap prestasi masa depan, yang mungkin berbeza.**

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika Hayat Diinsuranskan meninggal dunia akibat pertarungan, kecederaan disengajakan atau bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam masa tiga belas (13) bulan dari Tarikh Pengeluaran Polisi atau tarikh pengembalian semula polisi ini, yang mana kemudian.
- Manfaat KUMK tidak akan dibayar jika mana-mana kehilangan upaya disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh: percubaan membunuh diri atau kecederaan disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman, perkhidmatan tentera atau angkatan laut semasa peperangan yang diisyitiharkan atau tidak atau semasa di bawah arahan untuk operasi mirip peperangan atau pemulihan ketenteraman awam.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian penuh di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.
- Pembelian polisi insurans hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tangguh, polisi anda mungkin luput.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?

- Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan anda(termasuk penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan surat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Hayat'. Anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.
- Jika anda mempunyai pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Apakah jenis perlindungan serupa lain yang disediakan?

- Sila rujuk kepada ejen kami untuk jenis perlindungan serupa lain yang disediakan.

NOTA PENTING:

PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT IALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI ADALAH YANG PALING BAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH PELAN INI IALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada XXXX.

SAMPLE